

Pemodenan Perpustakaan

Oleh: Noraini Labuk

Buku dan ilmu pengetahuan selalu disinonimkan dengan perpustakaan namun perkembangan bidang inovasi pada masa kini mengesah institusi perpustakaan melakukan pendekatan baharu bagi menarik masyarakat serta para remaja juga belia untuk berkunjung ke perpustakaan. Pada 11 April 2013 yang lalu, kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah telah membuat lawatan penandaarasan Pengurusan Perpustakaan ke Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, Selangor. Perpustakaan Raja Tun Uda (RATU) merupakan sebuah Perpustakaan Negeri yang juga menjadi ibu pejabat bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Perpustakaan Negeri ini berfungsi mentadbir, menyelenggara dan menyelaras perpustakaan-perpustakaan di seluruh Negeri Selangor.

Kunjungan serta lawatan julung kalinya ini telah memberi pendedahan kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah tentang teknologi terkini

serta kecanggihan dan keunikan Perpustakaan Raja Tun Uda. Perpustakaan yang dibina dengan berkonsepkan ‘Perpustakaan dalam Taman’, berlanskapkan kolam dan hijauan, bukan sahaja memberi perkhidmatan kepada penyelidik dan pelajar malah suasana yang aman sesuai untuk dijadikan tempat mencari ilham kepada ahli-ahli seni. Membawa konsep “rumah keduaku” bersantai dan juga amalan membuka kasut juga diamalkan dan disediakan satu beg untuk meletak kasut.

Zon kanak-kanak atau zon kreatif pula dilengkapi dengan peralatan multimedia yang canggih. Sentiasa mengikut aliran zaman, Perpustakaan Raja Tun Uda juga menyediakan Siber Rakyat (PSR), Perkhidmatan USP, Perkhidmatan Wifi, Perkhidmatan Teater XD/6D, Teater 3D, Gim, Kafe, dan Coaster bagi menarik minat golongan belia, remaja dan

kanak-kanak. Selain itu, terdapat juga perkhidmatan Dewan, Bilik Seminar dan Mesyuarat serta Bilik Perbincangan bagi memenuhi keperluan pengguna yang berkunjung.

Bangunan perpustakaan yang dibina dengan keluasan 203,600 kaki per segi, mempunyai ketinggian setinggi 6 tingkat, dicat dengan warna-warna yang terang, mempunyai reka bentuk kontemporari, dapat memuatkan lebih kurang 2,500 orang pengunjung serta 400,000 naskhah buku pada satu-satu masa telah memberi impak besar dalam institusi perpustakaan. Kelengkapan infrastruktur dan perkhidmatan yang serba moden ini telah memukau dan menarik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk mendekati perpustakaan.